

Pelajar Tingkatan Enam SMK Badin ikuti Program Selangkah Ke Menara Gading

(UB 18.4.2019 B7)

SERAMAI 40 pelajar Tingkatan Enam SMK Badin mengikuti Program Selangkah ke Menara Gading bersama Ansos anjuran Kelab Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Ahad.

Program itu dikendalikan oleh 15 siswa/siswi dari Kelab Antropologi dan Sosiologi (Ansos) UMS bertempat di Dewan Tun Sri Lanang, SMK Badin.

Pengarah Program Nazrul Ehsan Abdul Ali berkata, antara objektif program ialah memberi pendedahan dan pengenalan mengenai bidang Sosiologi dan Antropologi kepada pelajar Tingkatan Enam atau Pra-Universiti SMK Badin.

“Selain itu, meningkatkan motivasi dan menjadikan para pelajar lebih

bersedia apabila melanjutkan pelajaran ke universiti serta membentuk kerjasama dan mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar Tingkatan Enam SMK Badin dan mahasiswa UMS,” katanya.

Terdahulu, semasa menyampaikan ucapan perasmian program itu, Penolong Kanan Tingkatan Enam SMK Badin Mohd Hanafi Awang Raden berharap pelajar Tingkatan Enam dapat menimba seberapa banyak ilmu dan maklumat yang disampaikan oleh penceramah serta fasilitator program.

Selain itu, tambahnya, menjadikan program itu sebagai pendorong kepada diri sendiri dan menyimpan hasrat memasuki menara gading suatu masa kelak.



MAHASISWA Sosiologi dan Antropologi UMS dan pelajar Tingkatan Enam SMK Badin merakamkan gambar kenangan selepas program itu.